

ABSTRAK

Industri pelancongan negara berkembang pada kadar yang amat memberangsangkan pada setiap tahun. Namun demikian, pergantungan kepada kedatangan pelancong asing menjadikan industri ini amat rapuh memandangkan kedatangan mereka ke negara ini amat dipengaruhi oleh sentimen dan isu-isu sensitif seperti Perang Teluk II, wabak SARS, pengeboman Bali dan Jakarta dan sebagainya. Keadaan ini telah membuatkan kerajaan berusaha untuk mengembangkan sektor pelancongan domestik kerana ia mempunyai potensi besar untuk memajukan industri pelancongan secara keseluruhannya. Pewartaan hari Sabtu pertama dan ketiga sebagai hari cuti umum merupakan satu usaha serius pihak kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia bercuti di dalam negara di samping kempen-kempen seperti Cuti-Cuti Malaysia, Karnival Jualan Mega, Citrawarna Malaysia, Pesta Buah-Buahan Tempatan dan sebagainya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat samada hari cuti Sabtu pertama dan ketiga telah digunakan oleh kakitangan kerajaan untuk pergi melancong. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada kakitangan kerajaan untuk pergi melancong pada hari-hari Sabtu tersebut. Kajian ini telah dijalankan di tiga negeri Utara Semenanjung iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dan telah melibatkan sejumlah 400 orang responden dari ketiga-tiga negeri tersebut.

Hasil penganalisaan mendapati lebih dari separuh kakitangan kerajaan yang terlibat dalam kajian ini telah memanfaatkan cuti tersebut untuk pergi melancong. Dan kajian ini juga mendapati bahawa halangan utama untuk kakitangan kerajaan pergi melancong ialah “kekangan masa” dan diikuti oleh faktor “ingin berehat bersama keluarga di rumah”.

BAB 1

Pengenalan

Cuti hari Sabtu yang telah diwartakan oleh kerajaan sebagai hari cuti umum kepada semua kakitangan sektor awam merupakan satu ruang dan peluang yang terbaik kepada para kakitangan kerajaan untuk pergi bercuti di dalam negara dan sekaligus membantu menyemarakkan lagi industri pelancongan domestik negara.

Secara keseluruhan, sektor pelancongan yang juga industri kedua terbesar negara pada waktu ini, telah menyumbang kepada sejumlah RM 21.29 billion melalui kehadiran 10.5 juta pelancong pada tahun 2003, manakala sejumlah RM 29.65 dapat dihasilkan melalui ketibaan 15.7 juta pelancong pada tahun 2004 (Laman Web Rasmi Tourism Malaysia, *Malaysia Tourist Arrivals*). Begitupun, pihak kerajaan mendapati pergantungan kepada pelancong luar sahaja tidak memadai memandangkan kumpulan sasaran ini amat sensitif kepada pelbagai sentimen dan isu utama dunia. Inilah yang berlaku pada tahun 2003 bila mana berlakunya penurunan pelawat asing yang disebabkan oleh peperangan dan wabak penyakit seperti Perang Teluk II di Iraq dan wabak SARS di Indochina. Para pelancong asing menjauhi rantau ASEAN disebabkan oleh kebimbangan mereka ke atas keselamatan mereka sendiri.

Sektor pelancongan domestik sebenarnya mempunyai potensi yang amat besar untuk menggerakkan ekonomi negara. Maka tidak hairanlah pelbagai kempen diadakan untuk menggalakkan rakyat negara ini melancong di dalam

negara sendiri. Usaha dan tindakan kerajaan ini telah menampakkan hasil yang amat memberangsangkan apabila sejumlah 18.9 juta pelancong domestik telah melancong di dalam negara pada tahun lepas berbanding cuma 9.9 juta orang pada tahun 1998 (Berita Harian, 18 Februari 2004).

Sungguhpun demikian, ramai sebenarnya yang kurang menyedari sumbangan sektor pelancongan domestik kepada industri pelancongan negara. Umum menganggap bahawa kedatangan pelancong asing merupakan nadi atau teras kepada industri pelancongan negara lalu meminggirkan perhatian dan usaha untuk menarik pelancong tempatan. Dalam satu kajian pelancongan domestik di Alberta, Kanada, penyelidik telah menemukan fakta bahawa bagi setiap seorang (1) orang pelancong asing yang tiba di negeri itu, ada sepuluh (10) orang pelancong tempatan yang turut melancong di dalam daerah yang sama (Simon Hudson and Brent Ritchie, 2003).

Usaha menarik lebih ramai pelancong tempatan akan lebih giat dilakukan pada tahun 2006, di mana kerajaan mensasarkan untuk menarik sejumlah 25 juta orang pelancong tempatan melakukan lawatan di dalam negara sendiri (Laporan Pembentangan Belanjawan 2005). Usaha ini tidak harus dilihat sebagai satu penghalang kepada usaha berterusan pihak kerajaan untuk menarik 14.3 juta pelancong asing, seperti yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Usaha-usaha untuk menarik pelancong tempatan ini harus dilihat sebagai satu strategi serampang dua mata di mana secara tak langsung ia juga mampu menarik pelancong asing berkunjung ke negara ini.

Sektor pelancongan bakal menjadi penyumbang terbesar pertumbuhan ekonomi negara menjelang tahun 2005. Ketibaan pelancong asing dijangka akan mengalami pertumbuhan pada kadar 6.9 peratus setahun untuk mencapai 14.3 juta pada tahun 2005. Pendapatan pelancongan telah disasarkan akan berkembang pada kadar purata 9.5 peratus setahun untuk mencapai RM29.5 billion pada tahun 2005 (Rancangan Malaysia Ke-8). Kerjasama berterusan antara sektor swasta dan kerajaan merupakan tunggak utama menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelancong antarabangsa.

Namun begitu, industri kedua terbesar negara ini terlalu sensitif kepada insiden-insiden negatif yang berlaku samada di dalam mahu pun di luar negara. Contohnya wabak virus Nipah dan Coxackie, penculikan pelancong asing di Pulau Sipadan, serangan pengganas ke atas *World Trade Center* di New York, pengeboman di Bali dan Jakarta, wabak SARS dan yang terbaru wabak selesema burung telah sedikit sebanyak menjejaskan industri pelancongan negara. Jumlah pelancong asing jatuh kepada 10.5 juta orang sahaja pada tahun 2003 berbanding 13.29 juta orang pada tahun 2002 (Laman Web Rasmi Tourism Malaysia).

Sungguhpun demikian, insiden-insiden tersebut adalah perkara di luar kawalan sesiapa. Bagi memastikan industri pelancongan terus segar dan terus menjana pendapatan kepada negara, pelbagai acara bertema dan pakej lawatan masih terus dirancang dan diperkenalkan oleh kerajaan, antaranya "Cuti-Cuti Malaysia", "Citrawarna Malaysia", "Perayaan Kemerdekaan", "Pesta Air Kebangsaan", "Karnival Jualan Mega", di samping acara "Perayaan Keagamaan"

dan acara “Tahun Melawat Negeri” yang dianjurkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Usaha-usaha ini selain dari memberi kesedaran kepada rakyat jelata tentang destinasi-destinasi pelancongan menarik di dalam negara dan mengurangkan aliran keluar wang, ia juga bertujuan untuk menarik perhatian dan kunjungan pelawat-pelawat asing ke negara ini.

Pernyataan Masalah

Pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk menarik rakyat melancong di dalam negara sendiri. Potensi yang wujud di dalam negara untuk menggigit kedatangan pelancong tempatan begitu besar dan kesan kehadiran pelancong domestik ini ke atas ekonomi amat besar. Ia bukan sahaja membantu kerajaan dari segi kutipan cukai perniagaan bahkan turut memberi kesan positif kepada industri perhotelan, makanan dan perniagaan-perniagaan lain yang amat bergantung kepada kedatangan pelancong. Oleh yang demikian, kebergantungan kepada pelancong asing semata-mata dapat dikurangkan dan sekali gus membantu kelangsungan industri-industri tersebut.

Cuti Sabtu pertama dan ketiga dikatakan antara faktor telah banyak membantu dalam membangun dan menyemarakkan lagi industri pelancongan domestik. Namun demikian, kenyataan tersebut tidak disokong oleh satu kajian yang komprehensif untuk mengesan hari atau musim yang dipilih oleh para pelancong tempatan untuk mereka pergi melancong. Peningkatan jumlah pelancong domestik mungkin disebabkan oleh pengaruh cuti sekolah, cuti perayaan dan lain-lain cuti umum lain yang diwartakan. Ini bermakna kenyataan

bahawa cuti hari Sabtu pertama dan ketiga membantu merangsang pertumbuhan pelancongan domestik negara perlu dibuktikan dan dapatan dari kajian ini mungkin diperlukan oleh pihak-pihak tertentu sebagai panduan dalam merangka strategi baru untuk terus merangsang dan memacu pertumbuhan pelancongan domestik negara.

Satu kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Utara Malaysia tentang cuti Sabtu pertama mendapati langkah menjadikan hari Sabtu pertama sebagai hari cuti amat dialu-alukan oleh kakitangan kerajaan. Kajian itu turut mendapati bahawa 67% dari responden kajian telah melakukan lawatan bermalam sebanyak 4 kali atau lebih (Ismail Othman, Ali Yusob Md Zain, Norhanim Abdul Razak dan Jaafar Ali, 2003).

Namun demikian, tiada data diperolehi dari kajian tersebut yang menyatakan dengan jelas samada responden-responden telah melakukan lawatan bermalam tersebut pada hari cuti Sabtu pertama. Kajian yang dibuat merupakan satu kajian reaksi umum ke atas hari cuti Sabtu pertama untuk sektor awam. Kajian yang dijalankan juga tidak meliputi hari cuti Sabtu ketiga yang telah diperkenalkan pada tahun 2000. Ini bermakna masih ada beberapa perkara yang perlu diselidiki terutamanya berkenaan cuti hari Sabtu ketiga seperti perancangan, pembuatan keputusan, dorongan dan halangan untuk pergi bercuti dan sebagainya.

Justeru, satu kajian yang baru diperlukan bagi mendapatkan maklumat lanjut untuk melihat samada polisi cuti hari Sabtu minggu pertama dan minggu

ketiga yang diperkenalkan sejak tahun 2000 benar-benar telah dimanfaatkan oleh kakitangan awam dan swasta untuk pergi melancong.

Skop kajian

Objektif umum

Kajian ini ialah untuk mengenalpasti sama ada polisi kerajaan mengadakan program Cuti Sabtu minggu pertama dan ketiga telah berjaya mendorong pekerja sektor awam dan swasta di tiga (3) negeri utara Semenanjung (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang) untuk melancong dalam negara.

Objektif khusus


1. Menentukan kekerapan pekerja sektor awam dan swasta pergi melancong dalam negara pada hari cuti Sabtu minggu pertama dan ketiga
2. Mengenal pasti tujuan melancong di kalangan responden pada cuti hari Sabtu pertama dan ketiga.
3. Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kakitangan sektor awam dan swasta untuk melancong dalam negara semasa hari cuti Sabtu minggu pertama dan ketiga.
4. Mengenal pasti faktor-faktor yang menghalang kakitangan sektor awam dan swasta untuk melancong dalam negara semasa hari cuti Sabtu minggu pertama dan ketiga.

Definisi Istilah

1. Pelancong domestik : Individu atau keluarga yang melakukan perjalanan atau melancong melebihi 40 km radius dari kediaman mereka samada bermalam atau tidak bermalam.
2. Cuti Hari Sabtu Pertama dan Ketiga : Hari Sabtu pada minggu pertama dan ketiga pada setiap bulan yang telah diwartakan sebagai hari cuti oleh kerajaan untuk kakitangan sektor awam.
3. Kakitangan Awam dan Swasta : pekerja di sektor kerajaan dan swasta.
4. Responden kajian : Para pekerja sektor awam dan swasta yang majikan mereka mengamalkan polisi hari cuti pada setiap hari Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan.

Teori Rangka Kerja

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kerangka seperti di bawah dalam melihat hubungan faktor-faktor pendorong di kalangan pekerja awam dan swasta untuk mengkaji motif di kalangan mereka semasa melancong pada cuti hari Sabtu. Faktor Socio-Psychology atau Psikologi-sosial merujuk kepada faktor-faktor intrinsik atau dalaman seseorang seperti melarikan diri daripada rutin dan kebosanan, berehat, ego, hubungan kekeluargaan dan interaksi sosial. Faktor destinasi menarik merujuk kepada destinasi pelancongan popular di negara kita. Kedua-dua faktor ini boleh menjadi faktor pendorong kepada pekerja-pekerja awam dan swasta pergi melancong, bahkan juga boleh menjadi faktor penghalang kepada mereka untuk pergi melancong pada hari Sabtu.



Kepentingan Kajian

Pihak kerajaan sememangnya amat serius dalam dalam mengembangkan sektor pelancongan domestik melalui pelbagai usaha yang dilakukan seperti penganjuran pelbagai acara dan pewartaan hari cuti pada hari Sabtu minggu pertama dan ketiga untuk pekerja awam. Sememangnya adalah sukar untuk diketahui dengan jelas sama ada pelaksanaan polisi cuti hari Sabtu minggu

pertama dan ketiga berjaya memberi kesan yang baik kepada industri pelancongan negara atau pun samada polisi ini mampu menggalakkan pelancongan domestik negara. Namun demikian, kajian ini bukanlah bertujuan untuk menjawab dan merungkai semua tanda tanya dan persoalan tersebut.

Kajian ini lebih menjurus kepada usaha untuk mendapatkan kepastian tentang kekerapan pekerja kerajaan dan swasta pergi bercuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan. Juga untuk mengenal pasti faktor dorongan dan penghalang kepada kakitangan awam dan swasta untuk pergi bercuti.

Adalah diharapkan dapatan dari kajian ini dapat memberi maklumat berguna berkenaan dengan percutian domestik di kalangan perkerja sektor awam dan swasta khususnya pada hari cuti Sabtu pertama dan ketiga. Dan seterusnya membantu Kementerian Pelancongan dan *Tourism Malaysia* dalam menyediakan pelan promosi dan perancangan pelancongan domestik yang lebih efektif pada masa hadapan.

BAB 2 ULASAN KARYA

Pendahuluan

Motif atau tujuan untuk seseorang manusia pergi melancong adalah pelbagai. Antaranya ialah berehat dan bersantai bersama keluarga, kerana mengendalikan urusan perniagaan atau urusan yang selain dari kegiatan sehariannya di tempat ia menginap. Menurut Geoldner dan Ritchie (2003), pelancong merujuk kepada seseorang yang melakukan perjalanan ke satu tempat yang lain yang mana perjalanan itu bukanlah di atas urusan rasmi.

Menurut tafsiran World Tourism Organization atau WTO di dalam Geoldner dan Ritchie (2003), pelancong merujuk kepada seseorang menetap melebihi satu malam tetapi kurang dari satu tahun di sesuatu tempat yang bukan tempat tinggal yang biasa termasuklah urusan perniagaan dan persidangan.

Perkembangan Pelancongan Domestik

Menurut Lickorish and Jenkins (1997), pelancongan domestik merujuk kepada seseorang yang melakukan perjalanan keluar dari tempat kediamannya untuk tujuan rekreasi atau perniagaan dan ciri-ciri pergerakan hanya tertumpu di dalam lingkungan negara. Perjalanan itu pula perlulah bermalam. Manakala menurut Cooper, Fletcher, Gilbert and Wanhill (1993) pula pelancongan domestik melibatkan suatu perjalanan yang dilakukan oleh seseorang itu di dalam negara yang didiaminya dengan tidak langsung terlibat dengan urusan pertukaran wang, bahasa atau pas/visa perjalanan dan jarak perjalanan

hendaklah sekurang-kurangnya 40 kilometer. Ini bermakna seseorang itu dianggap sebagai pelancong domestik apabila dia melakukan perjalanan sejauh sekurang-kurangnya 40 kilometer dari kediamannya dan tidak melepasi sempadan negaranya dan dia bermalam di tempat tersebut sekurang-kurangnya satu malam tanpa mengambil kira tujuan atau objektif perjalanan tersebut selain dari bekerja dan mengambil upah di tempat yang didiami.

Perkembangan pelancongan domestik negara merupakan satu perkara yang tentunya menjadi satu petanda yang amat baik samada kepada negara mahupun pengusaha-pengusaha produk dan perkhidmatan di dalam sektor pelancongan. Ini bermakna kebergantungan negara kepada kedatangan pelancong asing semata-mata untuk menghidup dan menyemarakkan industri pelancongan dapat dikurangkan. Ini juga bermakna, perkembangan pelancongan domestik perlu terus diusahakan kerana selama ini pelancongan domestik jarang diberikan perhatian bahkan sering dilupa dan dipinggirkan kerana umum beranggapan ketibaan pelancong asing lebih menguntungkan kepada negara berkenaan daripada sebaliknya.

“Domestic tourism is one of the most neglected and under-researched categories in tourism analysis. Most marketing effort has been limited to understanding the more lucrative international tourists market”.

(Simon Hudson and Brent Ritchie, 2002, pg 263).

Kerajaan telah memperuntukkan 40% dari keseluruhan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 untuk mempertingkatkan pembangunan pelancongan domestik (Laporan RMK-8). Peningkatan usaha kerajaan untuk

menyemarakkan lagi sektor pelancongan domestik negara bukanlah disebabkan oleh kegagalan pihak kerajaan menarik kedatangan pelancong asing ke negara ini. Ia lebih merupakan satu tindak balas kerajaan ke atas kemerosotan kedatangan pelancong ke negara ini kesan dari kemurungan ekonomi dunia, insiden 11 September 2001 dan Perang Teluk II.

Kedatangan pelancongan asing yang tidak konsisten membuatkan industri kedua penting negara ini menjadi begitu *vulnerable* kepada sebarang perubahan iklim politik dunia dan peristiwa-peristiwa lain yang berlaku. Faktor ketidak tentuan ekonomi, politik dan sosial dunia telah menyaksikan kejatuhan ketibaan pelancong asing ke negara ini. Sebagai contohnya, jumlah pelancong asing yang datang ke negara ini telah jatuh kepada 10.5 juta orang sahaja pada tahun 2003 berbanding 13.29 juta orang pada tahun 2002 (Laman Web Rasmi Tourism Malaysia). Usaha ini juga dibuat kerana potensi besar yang wujud di dalam industri pelancongan domestik dan sekiranya digembleng secara serius dan terurus sektor pelancongan domestik mampu menjana pulangan yang lumayan kepada banyak pihak. Kajian yang dijalankan oleh Simon Hudson dan Brent Ritchie (2002) menunjukkan 80% dari pelancongan dunia dimobilasikan oleh pelancongan domestik.

Pelbagai acara bertema dan pakej lawatan telah diperkenalkan oleh kerajaan, antaranya “Cuti-Cuti Malaysia”, “Citrawarna Malaysia”, “Perayaan Kemerdekaan”, “Pesta Air Kebangsaan”, “Karnival Jualan Mega”. Terdapat juga karnival-karnival dan perayaan yang dianjurkan oleh kerajaan-kerajaan negeri seperti “Tahun Melawat Negeri”, “Pesta Gawai” dan “Pesta Keaamatan”. Selain

untuk menarik pelancong tempatan semua usaha ini juga mampu menarik pelawat asing untuk datang ke negeri-negeri berkenaan.

Apa yang menarik dari usaha-usaha kerajaan ini adalah kesannya ke atas sektor pelancongan domestik. Menurut Dato' Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, bekas Menteri di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (sekarang ini Kementerian Pelancongan), jumlah pelancong domestik telah meningkat dari 9.9 juta orang pada tahun 1998 kepada sejumlah 18.3 juta orang pada tahun 2003 (Berita Harian, 18 Februari 2004).

Perkembangan positif sektor pelancongan domestik ini akan memberi kesan terhadap industri pelancongan negara bukan sahaja dari segi pendapatan negara bahkan juga dari segi pengujudan peluang-peluang pekerjaan baru. Tidak hairanlah mengapa World Travel and Tourism Council (WTTC) dalam laporannya pada tahun 2002, menganggarkan sejumlah 1,468,700 pekerjaan baru yang berkaitan dengan pelancongan akan berjaya diwujudkan pada tahun 2012 (World Travel & Tourism Council, 2002).

Anggaran dan telahan WTTC ini nyata menunjukkan implikasi positif ke atas kehidupan rakyat dari aspek ekonomi hasil dari wujudnya peluang-peluang pekerjaan. Menyedari hakikat ini, maka tidak dapat tidak kita harus terus berusaha untuk memakmurkan industri pelancongan negara ini dan tidak lain dan tidak bukan antara caranya adalah memastikan pertumbuhan sektor pelancongan domestik. Dan antara cara yang paling mudah untuk kita sebagai rakyat biasa membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang lain ialah dengan pergi melancong di dalam negara sendiri pada

cuti hari Sabtu. Bahkan bukan itu sahaja, kerana melancong bukan sekadar membantu kerajaan di dalam mengurangkan jumlah pengangguran tetapi melancong mempunyai kesan positif terhadap diri mereka sendiri.

Csikszentmihalyi (1974) disebut Gayle Jennings (2001) di dalam bukunya *Tourism Research* menyatakan bahawa individu melibatkan diri di dalam sesuatu aktiviti disebabkan oleh balasan yang didapati hasil dari melakukan aktiviti tersebut yang membuatkan individu tersebut merasa gembira dan puas hati.

Dorongan untuk pergi melancong adalah pelbagai dan di dalam satu kajian yang dibuat oleh John L. Crompton (1979) membahagikan semua faktor dorongan kepada dua komponen utama iaitu Sosio-Psikologi dan Kebudayaan. Dann (1977) turut disebut di dalam tulisan John L. Crompton (1979) yang mana Dann menerangkan faktor Sosio-Psikologi iaitu manusia memerlukan satu saluran bagi melarikan diri dari rutin harian dan melepaskan keinginan berinteraksi sesama manusia melalui percutian mereka. Sebenarnya terdapat banyak faktor lain yang boleh dijadikan alasan atau sebab oleh setiap individu untuk pergi melancong. Antaranya ialah berehat, mendapatkan pengalaman baru dan melepaskan tekanan dari rutin harian. Malahan, usaha untuk merapatkan hubungan sesama ahli keluarga juga boleh dijadikan alasan atau sebab untuk pergi melancong.

Cuti Hari Sabtu

Cuti hari Sabtu pertama dan ketiga pada setiap bulan merujuk kepada hari Sabtu yang diwartakan oleh pihak kerajaan sebagai hari cuti umum untuk sektor awam (Pekeliling Perkhidmatan, Bil 1 Tahun 2000).

Pada awalnya, pihak kerajaan mengisytiharkan hari Khamis minggu pertama pada setiap bulan sebagai hari cuti umum kepada pekerja kerajaan di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu manakala hari Sabtu minggu pertama pada setiap bulan kepada pekerja kerajaan di negeri-negeri selain dari ketiga-tiga negeri tersebut. Polisi di atas telah diperkenalkan pada 1 Januari 1999 dan ianya merupakan satu rentetan dari usaha kerajaan untuk menyokong program dan Dasar Masyarakat Penyayang yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan (Pekeliling Perkhidmatan, Bil 7 Tahun 1998).

Bagi maksud menyeragamkan cuti dengan negeri-negeri lain, kerajaan Pusat telah membatalkan cuti hari Khamis untuk negeri Kedah, Terengganu dan semua agensi persekutuannya di negeri Kelantan dan telah menggantikan cuti hari Khamis tersebut dengan hari Sabtu minggu pertama pada setiap bulan (Pekeliling Perkhidmatan, Bil 2 Tahun 1999).

Pekeliling tersebut turut menyatakan langkah pewartaan hari Sabtu pertama pada setiap bulan sebagai hari cuti umum kepada kakitangan kerajaan antara lain bertujuan untuk membolehkan warga perkhidmatan awam menikmati cuti hujung minggu yang lebih panjang dan seterusnya kerajaan berharap dapat menggalakkan perkembangan pelancongan domestik.

Satu laporan yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia tentang peningkatan jumlah pelawat tempatan telah dikeluarkan dan penemuannya amat menarik. Bilangan pelancong domestik didapati telah meningkat dari 9.9 juta orang pada tahun 1998 ke 15.8 juta orang pada tahun 1999 iaitu tahun bermulanya cuti pada hari Sabtu di kalangan pekerja sektor awam (Laman web Tourism Malaysia).

Susulan dari sambutan baik dari kakitangan awam, maka pada tahun 2000, pihak kerajaan telah sekali lagi mengeluarkan pekeliling mengumumkan hari Sabtu minggu ketiga pada setiap bulan adalah hari cuti. (Pekeliling Pkhidmatan, Bil 1 Tahun 2000). Ini menjadikan sektor awam menikmati cuti hari Sabtu sebanyak dua (2) hari pada setiap bulan.

Menurut pekeliling itu lagi, rasional bagi tindakan tersebut adalah untuk membolehkan kakitangan sektor awam berehat dan melancong serta seterusnya menjadi pemangkin ke arah menyediakan perkhidmatan awam yang lebih baik. Dalam satu kajian mengenai kesihatan dan kebajikan di tempat kerja oleh Danna dan Griffith (2003), penyelidik mempercayai bahawa dengan berehat setelah 5 atau 6 hari bekerja akan dapat mengurangkan stress seseorang. Jika diambil kajian tersebut sebagai satu penanda aras (*benchmarking*), ini bermakna kerajaan telah membuat satu keputusan yang amat baik untuk menjaga kesihatan dan kebajikan para pekerjanya dengan menjadikan hari Sabtu sebagai hari cuti tambahan kepada kakitangan awam dan seterusnya menjadikan perkhidmatan awam di negara ini lebih produktif dan kompetitif.

Langkah pihak kerajaan ini telah mendapat sokongan secara tidak langsung dari pihak perbankan yang mana Persatuan Bank-bank Komersial dan Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Malaysia (NUBE) telah mengemukakan rayuan kepada kerajaan untuk mengisytiharkan hari Sabtu ketiga pada setiap bulan sebagai hari cuti kepada sektor perbankan sebagai tambahan kepada hari cuti sabtu pertama yang telah mereka nikmati sebelum ini. Jemaah Menteri telah meluluskan permohonan cuti Sabtu minggu ketiga kepada sektor perbankan mulai bulan Ogos 2001 kerana hari Sabtu minggu pertama dan ketiga merupakan hari cuti kepada Bank Negara dan hari Sabtu juga merupakan hari cuti kepada pasaran perbankan antarabangsa, (Utusan Malaysia, 2 Ogos 2001).

Terbaru, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu ucapan di majlis telah menyatakan bahawa kakitangan sektor awam akan diberikan cuti pada setiap hari Sabtu bermula pada 1 Julai 2005, dengan tambahan jam kerja pada hari-hari bekerja yang lain. Ini bermakna, kakitangan kerajaan mengamalkan sistem bekerja lima (5) hari seminggu (Pekeliling Pekhidmatan, Bil 13 Tahun 2005). Selain dari itu, pihak kerajaan juga mengumumkan untuk menghidupkan kembali elaun COLA atau *Cost Of Living Allowance* kepada pekerja di sektor awam. Dengan tambahan hari cuti ini dan tambahan elaun, pihak kerajaan berharap kakitangan awam akan lebih produktif di samping membangunkan lagi sektor pelancongan domestik negara (Utusan Malaysia, 30 September 2005).

Keseriusan pihak kerajaan dalam memastikan sektor pelancongan menjadi satu sektor yang lestari dapat dilihat bukan sahaja dari segi usaha-usaha yang dibuat olehnya tapi juga melalui strategi dan dasar jangka panjangnya seperti Dasar Pelancongan Negara (DPN). DPN mahu menjadikan industri pelancongan negara sebagai satu sektor utama, mapan dan berbudaya maju dan berkualiti untuk menjadi penyumbang kepada Akaun Perkhidmatan dalam imbalan pembayaran negara dan pembangunan sosio-ekonomi negara (Rancangan Malaysia Ke-8). Secara ringkasnya DPN mempunyai ciri-ciri yang berikut iaitu menghasilkan pertukaran wang asing, menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial negara dengan cara yang saksama, menggalakkan pembangunan luar bandar, menjana peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, meningkatkan integrasi bandar dan desa serta pertukaran budaya, menggalakkan penyertaan semua etnik dalam suatu komuniti, membentuk imej Malaysia yang baik di persada antarabangsa dan memupuk perpaduan negara.

BAB 3 METODOLOGI

Pendahuluan

Bahagian ini memperincikan butiran mengenai metodologi kajian yang telah dijalankan. Kajian yang dijalankan ini melihat kekerapan pekerja awam dan swasta menghabiskan cuti hari Sabtu pertama dan ketiga mereka dengan pergi melancong. Selain dari itu, kajian ini juga mahu mengenal pasti faktor pendorong dan penghalang untuk melancong di kalangan pekerja awam dan swasta.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dengan menggunakan pakai analisis deskriptif terhadap maklumat yang diterima daripada responden. Kaedah soal selidik digunakan bagi membolehkan kajian ini mendapatkan jumlah responden yang ramai, membenarkan kawasan liputan kajian yang lebih luas dan menjimatkan masa, tenaga dan wang.

Populasi Kajian

Keseluruhan 1200 sampel kajian terdiri daripada samada ibubapa, penjaga atau ketua isi rumah kepada para pelajar berdaftar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menetap di Kedah, Perlis atau Pulau Pinang. Keseluruhan sampel kajian ini telah dipilih secara rawak (*Random Sampling*) oleh pihak Hal Ehwal Akademik (HEA), UUM dan mereka mewakili pelbagai peringkat umur, pendapatan dan juga jenis pekerjaan di tiga negeri tersebut.

Instrumen Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah borang kaji selidik yang diposkan kepada keseluruhan 1200 orang. Pada setiap borang kaji selidik yang diposkan, disertakan juga sampul surat jawapan bersetem dan beralamat sendiri, bagi menggalakkan respon. Satu surat iringan yang meminta kerjasama secara sukarela dari responden yang turut menyatakan tujuan kajian dijalankan telah turut disertakan bersama dengan borang-borang kaji selidik yang diposkan.

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini merupakan adaptasi dari borang soal selidik yang telah digunakan di dalam kajian berkenaan cuti hari Sabtu terdahulu yang dijalankan oleh Ismail Othman, Ali Yusob Md Zain, Norhanim Abdul Razak dan Jaafar Ali, 2003). Namun begitu, beberapa penambahan dan pengubah suaian telah dilakukan untuk menepati kehendak atau objektif kajian.

Item-item tambahan dan yang diubahsuai antaranya adalah seperti berikut:

- i. kekerapan percutian pada hari Sabtu pertama dan ketiga
- ii. tujuan pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga
- iii. teman semasa pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga
- iv. jenis kenderaan yang digunakan untuk pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga
- v. tujuan melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga

- vi. pilihan tempat tinggal semasa melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga
- vii. faktor yang mendorong untuk pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga
- viii. faktor yang menghalang untuk pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga

Borang Soal Selidik telah dibahagikan kepada bahagian-bahagian berikut:

- I. Latar belakang demografi responden
- II. Corak percutian pada cuti hari Sabtu
- III. Pendorong dan penghalang untuk pergi melancong pada cuti hari Sabtu

Sebelum set borang soal selidik diedarkan kepada sampel kajian, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang rakan pensyarah di Fakulti Pengurusan Pelancongan untuk melihat tahap pemahaman responden terhadap susun atur ayat di dalam borang soal selidik tersebut dan juga untuk mengesan kesahan muka atau *face validity*. Hasil dari kajian rintis tersebut, sedikit modifikasi telah dibuat ke atas beberapa soalan di dalam set borang soal selidik tersebut sebelum ianya diedarkan kepada semua 1200 sampel kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Sebanyak 1200 borang soal selidik berserta sampul surat berselem dan beralamat sendiri telah diposkan kepada semua responden pada pertengahan bulan Jun 2004. Borang-borang soal selidik telah dihantar ke tiga negeri iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang iaitu kepada semua alamat-alamat yang telah diberikan oleh pihak HEA, UUM. Sebanyak 400 borang soal selidik telah dikembalikan kepada penyelidik pada sekitar bulan Ogos 2004, iaitu 33.3% dari keseluruhan 1200 borang yang dihantar.

Analisis Kajian

Analisis ke atas dapatan kajian yang telah dijalankan ini adalah dalam bentuk analisis kuantitatif deskriptif yang mana semua dapatan tersebut telah diperolehi melalui borang soal selidik berstruktur yang diposkan kepada responden. Semua borang kajiselidik yang dikembalikan telah dianalisa menggunakan SPSS For Windows, Version 12.0 setelah proses pengkodan data dijalankan.

Teknik analisis yang digunakan adalah teknik peratusan, *Mean*, *Frequencies* dan *Cross Tabulation*. Semua teknik ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin diperolehi iaitu mengenai kekerapan dan corak percutian pekerja sektor awam dan swasta yang diberikan cuti pada hari Sabtu Pertama dan Ketiga oleh majikan mereka pada setiap bulan.

BAB 4 HASIL KAJIAN

Pendahuluan

Kajian ini dijalankan ke atas ibubapa atau penjaga iaitu ketua isi rumah kepada para pelajar berdaftar di Universiti Utara Malaysia tentang keberkesanan polisi cuti hari Sabtu pertama dan ketiga untuk kakitangan kerajaan dan juga di kalangan pekerja swasta yang majikan mereka mengamalkan polisi yang sama. Antara elemen penting yang dikaji di dalam kajiselidik ini adalah untuk melihat samada kakitangan kerajaan dan swasta tersebut menggunakan cuti pada hari Sabtu itu untuk pergi melancong. Juga yang turut dikaji ialah corak dan ragam percutian seperti pilihan tempat tinggal dan destinasi pelancongan, perkara-perkara yang memotivasikan mereka untuk melancong dan halangan dan kekangan untuk melancong.

Sejumlah 400 borang soal selidik telah dikembalikan yang mana 126 responden adalah pekerja kerajaan, 129 pekerja swasta, 46 pesara dan 80 bekerja sendiri. Manakala dari sejumlah 129 pekerja swasta yang mengembalikan borang ini, hanya 36 responden sahaja yang majikan mereka mengamalkan polisi cuti hari Sabtu pertama dan ketiga. Ini bermakna, borang kajiselidik yang boleh dianalisa (*useable questionnaires*) hanyalah sebanyak 162 sahaja iaitu 126 pekerja kerajaan dicampurkan dengan 36 pekerja swasta. Borang soal selidik yang dikembalikan oleh mereka yang telah bersara atau bekerja sendiri turut dianalisa untuk mengetahui keputusannya, namun demikian analisa tersebut tidak digunakan di dalam kajian ini.

Analisa Bahagian I: Demografik

1. Taraf Perkahwinan.

89.2% atau 348 responden dari 400 responden sudah berkahwin manakala 5.1% atau 20 responden ibu atau bapa tunggal dan 5.6% atau 22 orang responden masih bujang.

2. Bangsa

63.9% dari keseluruhan responden berbangsa Melayu, 28.6 % berbangsa Cina dan 6.6% berbangsa India manakala 0.8% lain-lain.

3. Negeri Tempat Tinggal Responden

58.3 % atau 228 responden tinggal di Kedah, 10.2% atau 40 responden tinggal di Perlis dan 31.2% atau 122 responden tinggal di Pulau Pinang.

4. Bilangan Isi Rumah

Bilangan isi rumah merujuk kepada jumlah ahli keluarga yang tinggal bersama di dalam sebuah rumah. Ia merujuk kepada suami, isteri dan anak-anak serta anggota keluarga lain yang turut tinggal bersama seperti ibubapa dan lain-lain. Dapatan menunjukkan majoriti dari responden mempunyai bilangan isi rumah di antara 4 ke 6 orang yang mewakili 56.8%, manakala 29.4% mempunyai bilangan isi rumah di antara 7 ke 9 orang, 7.85 % mempunyai bilangan isi rumah sebanyak 0 ke 3 orang dan 4.8% mempunyai bilangan isi rumah melebihi 10 orang.

5. Pendapatan

15.4% menyatakan pendapatan mereka kurang dari RM500, manakala 37.9% menyatakan pendapatan mereka sekitar RM500 ke RM1000. Sementara itu, 16% menyatakan pendapatan mereka sekitar RM1000 ke RM 1500, 13.8% melaporkan pendapatan di antara RM1500 ke RM2000 dan 3.7% dari responden melaporkan pendapatan di antara RM2000 ke RM2500. Selebihnya, 14.1% melaporkan mempunyai pendapatan melebihi RM2500.

6. Jenis Pekerjaan.

Dari 400 responden yang mengambil bahagian dalam kaji selidik ini, 32.8% adalah pekerja kerajaan iaitu seramai 126 orang, 34.4% adalah pekerja swasta iaitu seramai 132 orang, 20.8% bekerja sendiri iaitu seramai 80 orang dan 12% pesara iaitu seramai 46 orang

Analisa Bahagian II: Corak Percutian Pada Hari Sabtu

1. Berapa kalikah anda pergi melancong pada cuti hari Sabtu pertama dan ketiga sejak 6 bulan lepas?

Kajian mendapati majoriti responden yang pergi bercuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga telah berbuat demikian sebanyak 1 ke 2 kali sepanjang tempoh kajian dibuat iaitu bermula pada Januari ke Jun 2004. 9.5% dari kalangan yang pergi bercuti telah berbuat demikian sebanyak 3 ke 6 kali. Bahkan 2% dari responden yang pergi bercuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga telah berbuat demikian melebihi 10 kali.

Jadual 1: Kekerapan Percutian pada Hari Sabtu (dari Januari 2004 ke Jun 2004)

Bilangan kali pergi bercuti	Kekerapan	Peratus
1 – 2	64	16.0
3 – 4	28	7.0
5 – 6	10	2.5
8 – 9	5	1.3
> 10	11	2.9
Tiada Data	282	70.3
JUMLAH	400	100.0

2. Apakah tujuan utama percutian tersebut?

Tujuan utama percutian yang telah mereka lakukan ialah untuk berehat iaitu 33% diikuti dengan melawat kawan atau saudara mara sebanyak 29%. Membeli belah merupakan motif seterusnya dengan 14%, menghadiri seminar atau persidangan sebanyak 7.9%, mengikuti lawatan insentif sebanyak 3.9% dan tujuan perniagaan sebanyak 3.1%. Ada juga responden yang mempunyai pelbagai tujuan utama yang lain dan jumlahnya adalah sebanyak 9.1%.

Jadual 2: Tujuan Bercuti Pada Hari Sabtu

Tujuan utama percutian	Kekerapan	Peratus
Berehat	83	33.0
Melawat kawan atau saudara mara	73	29.0
Membeli belah	35	14.0
Persidangan / Seminar	20	7.9
Lawatan Insentif	10	3.9
Perniagaan	8	3.1
Lain-lain tujuan*	23	9.1
JUMLAH	252	100

*Lain-lain tujuan yang diberikan oleh responden ialah seperti berikut:

- Balik ke kampung asal
- Bawa keluarga beriadah
- Bersukan & berehat
- Dakwah
- Kerja sampingan
- Melawat anak
- Mesyuarat
- Pengurusan hal peribadi
- Taklimat urusan kerja
- Tgk tv/wayang
- Urusetia kursus jpn

3. Apakah faktor pendorong untuk pergi bercuti pada hari cuti Sabtu pertama dan ketiga

Hasil kajian mendapati majoriti responden telah memilih faktor persekitaran yang selamat sebagai faktor pendorong utama, diikuti dengan kos melancong yang berpatutan, cuti persekolah dan faktor keempat terpenting adalah untuk melawat saudara mara. Faktor-faktor di atas telah dicarta dengan menggunakan kaedah *mean*.

4. Apakah faktor penghalang untuk pergi bercuti pada hari cuti Sabtu pertama dan ketiga

Manakala faktor yang menghalang majoriti responden dari pergi melancong pula adalah kekangan masa, lebih suka berehat di rumah, faktor kekangan kewangan dan masa melancong pada cuti hujung minggu tersebut adalah singkat. Sama seperti di atas, faktor-faktor yang menghalang responden ini juga telah dicarta dengan menggunakan kaedah *mean*.

5. Siapakah yang bersama dengan anda semasa percutian tersebut?

Majoriti responden menyatakan keluarga mereka menyertai percutian tersebut iaitu sebanyak 64.4%, manakala 15.6% dari responden melakukan percutian tersebut secara bersendirian, 9.6% bersama pasangan sahaja, 6% bersama dengan rakan perniagaan dan 4.4% dari para responden bercuti bersama anak-anak sahaja.

6. Selalunya anda tinggal di mana semasa percutian tersebut?

Kebanyakan para responden yang pergi bercuti telah bermalam di hotel atau resort iaitu sebanyak 60.4%, manakala 35% lagi bermalam di rumah kawan atau sanak saudara. Segelintir dari mereka bermalam di rumah kedua masing-masing iaitu peratusan sebanyak 0.8% dan selebihnya memilih lain-lain.

Jadual 3: Pilihan Tempat Tinggal

Tempat tinggal semasa bercuti pada hari Sabtu	Kekerapan	Peratus
Hotel/Resort	81	60.4
Rumah Kawan/Sanak Saudara	47	35.0
Rumah Kedua	1	0.8
Lain-lain*	5	3.8
JUMLAH	134	100

*Lain-lain tempat tinggal adalah seperti berikut:

- Berkhemah
- Rumah sendiri
- Rumah anak

BAB 5 HASIL KAJIAN

Perbincangan Hasil Kajian

Kekerapan Kakitangan Awam Pergi Bercuti pada Hari Sabtu Pertama dan Ketiga dan Tujuan Mereka Melancong?

Langkah kerajaanewartakan hari Sabtu pertama dan ketiga sebagai hari cuti umum untuk kakitangan awam merupakan satu tindakan yang amat baik dan telah memberikan kesan positif kepada industri pelancongan domestik. Ini dapat dilihat dari dapatan kajian ini yang mendapati 52% dari sejumlah 123 responden kakitangan awam yang disoal selidik mengatakan mereka telah melancong pada hari cuti Sabtu. Ini merupakan satu dapatan yang amat menarik kerana kakitangan awam merupakan satu segmen pasaran yang amat besar, dengan jumlah kakitangan seramai 800,000 orang ianya boleh memberi impak positif kepada pembangunan pelancongan domestik negara.

Dalam satu kajian oleh Ismail Othman dan rakan-rakan (2003) mengenai persepsi kakitangan kerajaan tentang langkah pewartaan hari Sabtu pertama sebagai hari cuti mendapati pewartaan tersebut amat dialu-alukan oleh kakitangan kerajaan (Ismail Othman dan rakan-rakan, 2003). Dan dalam kajian yang sama, Ismail Othman dan rakan-rakan (2003) mendapati bahawa 67% dari responden mereka telah melakukan lawatan bermalam sebanyak 4 kali atau

lebih dalam tempoh kajian dibuat. Kajian oleh Ismail Othman dan rakan-rakan menampakkan persamaan dan seterusnya menyokong dapatan dari kajian ini.

Sambutan dan sokongan kakitangan awam yang positif terhadap polisi hari Sabtu sebagai hari cuti telah mendorong kerajaan untuk mewartakan polisi 5 hari bekerja untuk sektor awam. Ini menjadikan hari Sabtu pada setiap minggu sebagai hari cuti, satu langkah yang kemudiannya telah dituruti oleh pihak perbankan negara ini. Ironinya, hasil kajian ini mendapati betapa hanya segelintir sahaja pekerja sektor swasta yang pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga, iaitu hanya 18% dari jumlah pekerja swasta yang menjadi responden kajian ini yang pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga. Namun demikian, tidak dapat dipastikan samada pekerja swasta yang menjadi responden kajian ini adalah dari golongan pekerja perbankan.

Jadual 4: Percutian Hari Sabtu Mengikut Sektor Pekerjaan

Adakah anda pergi melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga sejak 6 bulan lepas (Jan – Jun 2004)?				JUMLAH
Jenis Pekerjaan	Ya	Tidak	Tidak jawab	
Kakitangan Kerajaan	64 (52%)	58 (47.2%)	1 (0.8%)	123
Kakitangan Swasta	18 (28%)	46 (72%)	0	64
Pesara	11 (78.6%)	3 (21.4%)	0	14
Bekerja Sendiri	7 (33.3%)	14 (66.7%)	0	21
Tiada Data				178

Kajian ini juga mendapati majoriti dari responden mengatakan bahawa mereka telah melakukan percutian bermalam melebihi sekali sepanjang tempoh kajian. Menariknya, 64% dari responden yang bercuti melebihi sekali ini terdiri dari kakitangan kerajaan dan dari jumlah itu, 8% dari mereka telah melakukan percutian melebihi 10 kali disepanjang tempoh kajian dibuat. Bolehlah disimpulkan bahawa golongan yang telah bercuti melebihi 10 kali ini telah bercuti pada setiap hari Sabtu pertama dan ketiga sepanjang tempoh kajian dibuat iaitu dari bulan Januari ke bulan Jun tahun 2004 yang lepas.

Jadual 5: Kekekapan Percutian Sabtu Mengikut Sektor Pekerjaan

Bilangan Percutian yang dibuat	1 – 3	4 – 6	7 – 10	> 11	Jumlah
Kakitangan Kerajaan	51	15	3	4	73
Kakitangan Swasta	14	1	1	1	17
Pesara	10	2	1	1	14
Bekerja Sendiri	4	2	2	2	10
Jumlah	79	20	7	8	114

Kajian ini telah turut mengkaji motif percutian para responden kajian dan bagi memudahkan para responden, beberapa pilihan jawapan telah disediakan untuk mereka. Akan tetapi jika sekiranya para responden mempunyai jawapan lain, mereka boleh memberikannya di dalam ruangan lain-lain.

Berdasarkan pemilihan yang dibuat oleh para responden, penyelidik telah membuat *ranking* menggunakan kaedah *mean* bagi semua tujuan yang dipilih atau yang dinyatakan oleh para responden tersebut.

Tujuan utama percutian pada cuti hari Sabtu pertama dan ketiga seperti yang telah dinyatakan oleh para responden kajian ini adalah berehat iaitu

sebanyak 33%. Hill (1965) disebutkan di dalam kajian John L. Crompton (1979) menyatakan bahawa percution diambil sebagai satu usaha untuk mengganti dan memulihkan perasaan dalaman yang telah rosak atau habis. Hill (1965) turut menyebut bahawa majoriti responden beliau menyatakan percution yang menggembirakan adalah penting untuk menyegarkan semula diri sendiri. Berehat dari perspektif penyelidik merupakan satu usaha untuk merehatkan minda dan tubuh badan dari kelaziman harian. Dan tindakan para responden kajian ini menggunakan hari Sabtu pertama dan ketiga untuk melancong, jauh dari rutin harian merupakan satu tindakan tepat dan produktif, baik kepada para responden juga kepada sektor pelancongan negara.

Jadual 6: Tujuan Bercuti Pada Hari Sabtu

Tujuan utama percution	Kekerapan	Peratus
Berehat	83	33.0
Melawat kawan atau saudara mara	73	29.0
Membeli belah	35	13.9
Persidangan / Seminar	20	7.9
Lawatan Insentif	10	4.0
Perniagaan	8	3.1
Lain-lain tujuan*	23	9.1
JUMLAH	252	100

*Lain-lain tujuan yang diberikan oleh responden ialah seperti berikut:

- Balik ke kampung asal
- Bawa keluarga beriadah
- Bersukan & berehat
- Dakwah
- Kerja sampingan
- Melawat anak
- Mesyuarat
- Pengurusan hal peribadi
- Taklimat urusan kerja
- Tgk tv/wayang
- Urusetia kursus jpn

Kajian ini turut mendapati bahawa responden meletakkan tujuan melawat kawan atau saudara mara (VFR) semasa cuti hari Sabtu pertama dan ketiga sebagai tujuan kedua penting iaitu sebanyak 29%. Manakala membeli belah merupakan motif seterusnya dengan 13.9%, menghadiri seminar atau persidangan sebanyak 7.9%, mengikuti lawatan insentif sebanyak 4% dan tujuan perniagaan sebanyak 3.1%. Terdapat juga responden yang pergi bercuti dengan lain-lain tujuan (semua tujuan tersebut ada dinyatakan di bawah jadual 6) dan jumlahnya adalah sebanyak 9.1%.

Faktor-faktor yang mendorong percutian melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga

Kajian ini mendapati bahawa faktor persekitaran yang selamat menjadi faktor penggalak utama kepada para responden untuk pergi melancong. Majoriti responden memilih faktor ini sebagai satu keutamaan sebelum memutuskan untuk keluar melancong atau tidak.

Dapatan ini amat menarik kerana ia menyamai dapatan yang diperolehi oleh Saharuddin dan rakan-rakan (2004) yang mendapati keselamatan adalah faktor terpenting yang akan mempengaruhi keputusan lawatan oleh para pelancong asing. Ini bermakna selain dari para pelancong asing, pelancong tempatan turut mengambil kira faktor ini sebelum membuat keputusan mengenai sesuatu percutian.

Kos melancong yang berpatutan merupakan faktor kedua yang akan menjadi pendorong untuk para responden pergi melancong, manakala faktor cuti sekolah turut memainkan peranan dalam mempengaruhi responden untuk pergi melancong. Melawat teman atau sanak saudara, kualiti penginapan sesebuah hotel atau resort dan diskaun yang diberikan untuk pakej-pakej pelancongan turut akan mempengaruhi dan mendorong para responden pergi melancong selain dari kepelbagaian aktiviti yang ditawarkan di sesuatu destinasi pelancongan.

Jadual 7: Faktor Pendorong Percutian Sabtu

Faktor-faktor pendorong	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>
Persekitaran yang selamat	4.34	.764
Kos melancong yang berpatutan/ berpadanan	4.25	.761
Cuti persekolahan	4.06	.854
Melawat teman atau saudara mara	3.92	.960
Kualiti penginapan resort / hotel	3.85	.862
Diskaun / Pakej yang menarik	3.83	.973
Kepelbagaian aktiviti yang ditawarkan	3.73	.953
Acara yang menarik	3.48	.974
Acara / Sukan kanak-kanak	3.04	.986

Faktor-faktor yang menjadi halangan untuk melancong pada hari Sabtu pertama dan ketiga

Majoriti responden meletakkan kekangan masa sebagai halangan utama untuk mereka pergi bercuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh percutian 2 hari 1 malam iaitu hari Sabtu dan Ahad untuk negeri seperti Perlis dan Pulau Pinang atau hari Jumaat dan Sabtu bagi negeri Kedah, tidak dirasakan mencukupi bagi mereka.

Faktor inilah mungkin membuatkan para responden meletakkan kekangan masa sebagai halangan utama untuk mereka pergi bercuti pada hari cuti Sabtu tersebut. Kekangan kedua yang menjadi halangan untuk para responden pergi bercuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga ialah mereka ingin mengambil peluang cuti tersebut untuk berehat bersama keluarga di rumah. Kewangan merupakan kekangan ketiga terbanyak yang diletakkan oleh para responden sebagai halangan seterusnya untuk mereka pergi bercuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga. Dan pilihan keempat yang menjadi halangan kepada para responden untuk memanfaatkan cuti tersebut untuk melancong ialah cuti hari Sabtu pertama dan ketiga adalah amat singkat.

Jika diteliti akan didapati bahawa semua halangan yang disebutkan tadi amat berkait rapat antara satu dengan lain. Dan jika diringkaskan ianya mungkin boleh disimpulkan seperti berikut, iaitu para responden kajian mungkin mendapati cuti hari Sabtu pertama dan ketiga adalah amat singkat untuk pergi bercuti, sedangkan pelaburan wang yang dibuat untuk percutian 2 hari 1 malam

tersebut adalah agak tinggi dan ini mungkin membuatkan para responden merasa tidak berbaloi untuk dilaburkan bagi satu percutian bersama keluarga, rakan mahu pun secara bersendirian di sesuatu destinasi pelancongan. Mungkin atas dasar itulah maka para responden lebih senang untuk meluangkan cuti tersebut bersama dengan famili masing-masing di rumah.

Jadual 8: Faktor Penghalang Percutian Sabtu

Faktor penghalang percutian pada hari Sabtu pertama dan ketiga	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>
Kekangan Masa	4.05	0.976
Lebih suka berehat di rumah bersama keluarga	3.85	1.080
Kewangan	3.84	1.206
Masa melancong pada hari Sabtu singkat	3.66	1.171
Lebih suka ambil cuti tahunan untuk melancong	3.45	1.246
Terlalu ramai orang melancong	3.42	1.174
Melancong hanya pada cuti sekolah	3.36	1.232
Keselamatan	3.30	1.255
Pengangkutan	3.21	1.255

Melancong Bersama Keluarga

Kajian ini mendapati majoriti responden telah membawa keluarga mereka bersama untuk bercuti serpanjang tempoh kajian berbanding dengan cuma 5.3% yang pergi melancong bersendirian, 10% melancong bersama pasangan masing-masing dan 4% melancong bersama anak-anak sahaja. Berkemungkinan ini terjadi disebabkan anak-anak mempunyai program lain pada hari tersebut atau mungkin pasangan mempunyai tugas yang tidak dapat dielakkan.

Jika diteliti, jumlah 10% responden yang melancong bersama pasangan masing-masing sahaja dan 4% melancong bersama anak-anak sebenarnya turut mewakili segmen pelancongan keluarga atau *family travel*. Kedua-duanya yang membentuk sejumlah 14%, sekiranya dicampurkan bersama sejumlah 64% responden yang bersama keluarga masing-masing akan menjadikan peratusan pelancongan keluarga sebanyak 78%, satu peratusan yang amat memberangsangkan bagi industri pelancongan.

Jadual 9: Teman Sewaktu Bercuti Pada Hari Sabtu

Siapa bersama anda semasa percutian tersebut	Kekerapan	Peratus
Keluarga	87	64.4
Bersendirian	21	15.6
Pasangan shj	13	9.6
Rakan Perniagaan	8	6.0
Anak2 shj	6	4.4
Jumlah	135	100

Melancong bersama ahli keluarga merupakan satu perkara yang amat baik. Peluang untuk bersantai atau pun beriadah bersama keluarga akan dapat mengeratkan kasih sayang sesama anggota keluarga. John L. Crompton (1979) dalam kajiannya menyatakan, majoriti responden melihat melancong bersama keluarga adalah satu keadaan di mana anggota keluarga dibawa bersama dalam satu kelompok atau kumpulan. Keadaan ini seterusnya akan meningkatkan atau memperkayakan hubungan sesama anggota keluarga tersebut.

Bagi pembekal dan penjual produk pelancongan, justeru perlu diingat bahwa elemen kekeluargaan tidak boleh dikesampingkan dalam menghasil dan memasarkan sesuatu produk pelancongan. Kajian ini memberi indikasi bahawa cuti hari Sabtu, sepanjang tempoh kajian, telah digunakan sebaik mungkin untuk merapatkan hubungan sesama anggota keluarga.

Proses membuat keputusan

Kajian ini mendapati proses pembuatan keputusan berkenaan percutian merupakan keputusan bersama. Hampir 80% responden mengatakan bahawa pilihan dan perancangan percutian dibuat secara bersama di kalangan anggota keluarga.

Jadual 10: Merancang Percutian

Pembuatan keputusan untuk pergi melancong	Kekerapan	Peratus
Rancang bersama keluarga	118	79.7
Bersendirian	25	16.9
Pakej pelancongan	5	3.4
JUMLAH	148	100.0

Kajian oleh Simon Hudson dan Brent Ritchie (2002) di Alberta, Kanada turut mendapati perkara yang sama.

“When it comes to deciding where to go and what to do, families tend to make their vacation plans around family activities, school events and competitions. Parents agree that children are highly influential in making decision about destinations. This study reveals that in the process of making decision, it is a jointly done between couples and their family or among friends when there are no children”.

Ini bermakna sebarang usaha promosi yang mahu dijalankan oleh samada pihak kerajaan atau swasta perlu mengambil kira faktor ini bagi memastikan kejayaan usaha tersebut.

Pilihan tempat tinggal

Umum menyangkakan betapa rakyat Malaysia cenderung untuk memilih rumah-rumah sanak saudara tatkala mereka pergi melancong. Walaupun pendapat tersebut ada benarnya, namun dapatan kajian ini menunjukkan betapa kecenderungan tersebut mula berubah. 60% dari responden menyatakan bahawa mereka akan tinggal samada di hotel atau resort semasa pergi melancong semasa cuti Sabtu pertama dan ketiga. Manakala 35% dari responden menyatakan mereka lebih cenderung untuk memilih untuk tinggal di rumah sanak saudara. Sekiranya keadaan ini satu realiti untuk semua jenis

percutian, dan tanpa mengira hari cuti Sabtu pertama dan ketiga, keadaan ini merupakan satu keadaan yang amat baik bagi masa depan industri perhotelan di negara ini.

Dalam ucapan pembentangan belanjawan tahun 2001, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaporkan tentang perkembangan positif industri pelancongan kepada sektor penginapan merupakan komponen perbelanjaan yang terbesar yang telah menyumbang sebanyak 32.8% dari keseluruhan pendapatan sektor pelancongan bagi tahun 2000 (Laporan Pembentangan Belanjawan 2001).

Jadual 11: Tempat Tinggal Semasa Melancong

Pilihan Tempat Tinggal Semasa Melancong	Kekerapan	Peratus
Hotel/Resort	81	60.4
Rumah Kawan / Sanak Saudara	47	35.2
Rumah Kedua	1	0.7
Lain2	5	3.7
JUMLAH	134	100

Pilihan kenderaan untuk pergi melancong

Dasar Automotif Nasional (DAN) yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini menunjukkan betapa kerajaan amat serius dalam menyokong industri automotif di negara ini selain dari menjadikan negara ini hab untuk automotif di rantau sebelah sini (Utusan Malaysia, 19 Januari 2005). Di kalangan orang awam, DAN mungkin memberikan sedikit kelegaan dan harapan kepada mereka untuk memiliki kenderaan sendiri pada harga yang sedikit murah. Apa yang lebih penting dari itu ialah kesan DAN ke atas industri pelancongan negara.

Pemilikan kenderaan sebenarnya mempunyai kesan positif secara langsung kepada sektor pelancongan. Ia dipercayai akan dapat meningkatkan pelancongan domestik. Dari kajian ini didapati 82.7% responden menyatakan kereta sendiri merupakan kenderaan utama untuk mereka pergi bercuti berbanding kenderaan awam yang cuma 13.3% dan kenderaan sewaan yang cuma 4% dari keseluruhan responden.

Jadual 12: Kenderaan Yang Digunakan Untuk Bercuti

Pilihankenderaan untuk melancong	Kekerapan	Peratus
Kereta sendiri	124	82.7
Kenderaan awam	20	13.3
Kenderaan sewaan	6	4.0
JUMLAH	150	100

Rumusan Kajian

Hasil dari kajian ini, penyelidik dapat merumuskan bahawa keputusan kerajaan untuk menjadikan hari Sabtu sebagai hari cuti kepada pekerja sektor awam telah turut membantu menjaya dan menyemarakkan industri pelancongan negara. Jumlah pekerja awam yang melebihi 800,000 orang jelas merupakan satu aset dan kekuatan yang tidak dapat tidak boleh memberik kesan positif kepada pertumbuhan dan perkembangan industri yang pada masa ini industri kedua terbesar negara. Peningkatan jumlah pelancong domestik tahun demi tahun, bermula dari pengisytiharan pertama cuti pada setiap hari Sabtu Pertama pada tahun 1999 sehinggalah kepada pengisytiharan kerajaan untuk menjadikan setiap hari Sabtu sebagai hari cuti umum untuk sektor awam, jelas merupakan antara faktor pendorong kepada peningkatan jumlah pelancong domestik.

Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa batasan dan kekangan kajian telah dihadapi oleh penyelidik. Antara batasan kajian ini adalah:

- i. Kekurangan sampel dari kakitangan awam.

Walaupun penyelidik berjaya mendapatkan 1200 sampel populasi, tetapi cuma 400 responden sahaja yang memulangkan soal selidik. Sungguhpun ia satu sampel yang agak besar, namun sampel dari kakitangan kerajaan yang merupakan subjek utama kajian ini tidak begitu besar. Ini menghalang penyelidik untuk mendapatkan gambaran dan membuat kesimpulan yang lebih jelas.

- ii. Kos yang terhad.

Kewangan yang terhad telah menghalang kajian dijalankan dengan lebih meluas dan skop kajian hanya tertumpu kepada kawasan utara Semenanjung iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

- iii. Sampel kajian terhad kepada keluarga pelajar-pelajar UUM sahaja.

Sekiranya sample-sampel lain boleh didapati, dan bukan setakat keluarga para pelajar UUM sahaja, maka keputusan yang lebih menyeluruh dan tepat tentu boleh didapati. Kesimpulan yang boleh dibuat tentu juga akan lebih mewakili warga kakitangan kerajaan yang lain.

Cadangan penyelidikan di masa hadapan

Masih banyak kelemahan dan kekurangan di dalam kajian ini yang boleh diperbaiki di masa hadapan. Penyelidik ingin mengesyorkan agar kajian dibuat ke atas skop yang berikut:

- i. Kajian dijalankan dengan melibatkan kawasan yang lebih luas dan
- ii. menyeluruh merangkumi negeri-negeri lain di Malaysia.
- iii. Kajian ke atas pekerja bank dijalankan memandangkan mereka
- iv. diberikan cuti pada hari Sabtu sama seperti pekerja awam.
- v. Kajian ke atas jumlah perbelanjaan yang terlibat semasa percutian.
- vi. Mendapatkan pendapat umum untuk membangunkan lagi pelancongan domestik.
- vii. Kajian ke atas pilihan produk pelancongan oleh para pelancong tempatan semasa mereka melancong pada hari Sabtu. Ini akan dapat memberi gambaran lebih tepat tentang keperluan dan keutamaan mereka semasa melancong pada hari Sabtu, iaitu cuti mingguan yang amat pendek waktunya.

Kesimpulan

Keputusan kerajaan untuk mewartakan hari Sabtu pertama dan ketiga untuk kakitangan awam merupakan antara satu usaha untuk menjadi pemangkin kepada perkembangan industri pelancongan domestik negara. Langkah ini juga dapat memberi lebih ruang untuk kakitangan awam bersama keluarga mereka. Ternyata polisi cuti pada hari Sabtu ini merupakan satu langkah yang dialu-alukan oleh kakitangan awam, seperti yang ditemui oleh penyelidik terdahulu. Dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik pula, didapati kakitangan awam memanasikan sokongan mereka terhadap langkah kerajaan mewartakan hari Sabtu sebagai hari cuti untuk mereka dengan pergi melancong. Kerajaan mengambil langkah yang tepat dengan menjadikan hari Sabtu pertama dan ketiga sebagai hari cuti, yang mana dengan penambahan waktu pada hujung minggu tersebut telah memberi peluang dan ruang yang lebih untuk kakitangan awam pergi melancong tanpa perlu mengambil cuti tahunan mereka atau menunggu musim cuti persekolahan. Keadaan ini sekaligus menyokong kempen dan promosi kerajaan untuk memajukan lagi sektor pelancongan domestik. Pengisytiharan hari bekerja sebanyak lima hari seminggu bermula pada 1 Julai 2005 untuk kakitangan sektor awam merupakan ganjaran tambahan kepada seluruh warga sektor awam yang kini mempunyai lebih banyak masa dan peluang pada setiap hujung minggu untuk melancong samada bersendirian, bersama keluarga atau bersama rakan-rakan. Langkah ini kini turut disertai oleh institusi perbankan melalui Persatuan Bank-bank Komersil dan NUBE iaitu

Kesatuan Pekerja-pekerja Bank yang turut sama bercuti pada setiap hujung minggu. Adalah diharapkan semoga kakitangan awam atau swasta yang mempunyai cuti di hujung minggu akan mengambil kesempatan ini untuk pergi melancong. Dan seterusnya menjadi wadah atau pemangkin kepada pertumbuhan sektor pelancongan domestik yang akan turut memberi manfaat kepada masyarakat setempat khususnya dan negara amnya.

RUJUKAN

- Coleman, C. Tourists Traffic in English National Parks: An Innovative Approach to Management. *The Journal of Tourism Studies* 8(9) (1998)., pg. 2-15.
- Crompton, John L. Motivations for Pleasure Vacations. *Annals of Tourism Research*, Oct/Dec 1979, VI(4):408-424.
- Dann, M.S. (1977). Anomie, Ego-Enhancement and Tourism in Crompton, John L. Motivations for Pleasure Vacations. *Annals of Tourism Research*, Oct/Dec 1979, VI(4):408-424.
- Danna, K. dan Griffin, R.W. (2003). Health and Well Being in the Workplace: A review dan Synthesis of the Literature. *Journal of Management*, Spring 1999, in Steven L. McShane dan Mary Ann Von Glinow (2003), *Organizational Behavior*, New York: McGraw Hill Higher Educator.
- Geoldner, C.R. dan Rithcie, J.R.B., (2003). *Tourism Principles, Practices and Philosophies*. New Jersey : John Wiley & Sons Inc.
- Hudson, S. dan Ritchie, B. Understanding The Domestic Market Using Cluster Analysis: A Case Study Of The Marketing Efforts Of Travel Alberta. *Journal of Vacation Marketing* (8, 3; ABI/ INFORM Global Jun 2002),. pg. 263.
- Ismail Othman, Ali Yusob Md Zain, Norhanim Abdul Razak dan Jaafar Ali., (2003). *Penglibatan Kakitangan Sektor Awam Dalam Pelancongan Domestik: Tinjauan Terhadap Reaksi Cuti Hari Sabtu*. Universiti Utara Malaysia.
- Kerajaan Malaysia (2000). *Rancangan Malaysia Ke-8*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kerajaan Malaysia (1998). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1998*. Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Kerajaan Malaysia (1999). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1999*. Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Kerajaan Malaysia (2000). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2000*. Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Kerajaan Malaysia (2001). *Laporan Pembentangan Belanjawan 2001*, Parlimen Malaysia.

Kerajaan Malaysia (2001). *Laporan Pembentangan Belanjawan 2006*, Parlimen Malaysia.

Laman web Tourism Malaysia, *Malaysia Tourist Arrivals From January to December 1998 – 2000*, didapati pada 20 Mei 2005 dari ([http://: www.tourism.gov.my/statistic/tourist_arrivals.asp](http://www.tourism.gov.my/statistic/tourist_arrivals.asp))

Laman web Tourism Malaysia, *Malaysia Tourist Arrivals From January to December 2003*. didapati pada 20 Mei 2005 dari ([http://: www.tourism.gov.my/statistic/tourist_arrivals.asp](http://www.tourism.gov.my/statistic/tourist_arrivals.asp))

Laman web Tourism Malaysia, *Malaysia Tourist Arrivals From January to December 2004*. didapati pada 20 Mei 2005 dari ([http://: www.tourism.gov.my/statistic/tourist_arrivals.asp](http://www.tourism.gov.my/statistic/tourist_arrivals.asp))

Shaharudin Tahir, Suzzaini Abdullah dan Norhaslinda Zainal Abidin., (2004). *Proses Hirarki Analisis: Satu Pendekatan Membuat Keputusan Pelbagai Faktor dalam Menentu Pilihan Destinasi Pelancong Asing*, Universiti Utara Malaysia.

Utusan Malaysia, 2 Ogos 2001, *Cuti Minggu Ke-Tiga Untuk Kakitangan Bank*.

Utusan Malaysia, 18 Februari 2004, *Pelancaran Kempen Cuti-cuti Malaysia 2004/2005*.

Utusan Malaysia, 19 Januari 2005, *Malaysia Sedia Jadi Tapak Pelancaran Automotif Dunia*.

World Travel & Tourism Council (WTTC) (2002). *Tourism Satellite Account Estimates dan Forecast*, didapati pada 20 Mei 2005 dari ([http:// www.wttc.org](http://www.wttc.org).)